

6

Pensyariatan Ibadah Zakat dan Kelangsungannya

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ شَهَادَةٌ تُنَجِّي قَائِلَهَا مِنْ
عَذَابِ النَّارِ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.

Sidang Jumaat Yang Diberkati Allah...

Terlebih dahulu khatib berwasiat kepada diri sendiri dan kaum muslimin sekalian agar sama-sama meningkatkan ketakwaan

kepada Allah s.w.t dengan melakukan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan-Nya sepertimana firman Allah:-

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ
مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan beragama Islam.”

(QS Ali-Imran (3) : 102)

Kaum Muslimin Yang Dirahmati Allah...

Dalam kesempatan kali ini, marilah kita sama-sama menghayati tajuk khutbah iaitu “**PENSYARIATAN IBADAH ZAKAT DAN KELANGSUNGANNYA.**”

Sepertimana yang telah kita maklumi, zakat adalah salah satu rukun Islam. Namun begitu, ianya bukan sahaja sebagai ibadah ritual semata-mata, akan tetapi zakat juga merupakan nadi pembangunan umat Islam dari pelbagai aspek kehidupan. Ini termasuklah penyempurnaan akhlak dan peribadi luhur, kemajuan ekonomi, kestabilan politik, kekuatan ketenteraan, kesejahteraan masyarakat dan kemakmuran negara.

Saidina Ali bin Abi Talib berkata yang maksudnya:

“Sesungguhnya Allah telah mewajibkan orang-orang kaya untuk menunaikan hak-hak orang miskin yang terdapat di dalam harta-harta mereka.”

Memandangkan fungsi dan peranan ibadah zakat yang sedemikian rupa, maka Islam sebagai agama yang amat responsif terhadap keperluan manusia sejagat, memandu dan membimbing umat Islam supaya berlumba-lumba menunaikan ibadah tersebut dengan niat yang ikhlas iaitu, semata-mata untuk mendapatkan keredhaan Allah. Justeru itu, beberapa pendekatan telah digunakan oleh agama Islam untuk menjamin kelangsungan ibadah zakat agar terus dipatuhi oleh penganutnya yang layak dan berkewajipan melaksanakan ibadah tersebut:-

Pertama... Pengawalan nurani individu muslim daripada terpedaya dengan perhiasan duniawi, justeru mendorongnya untuk menunaikan ibadah zakat demi memperolehi keredhaan Allah, beroleh ganjaran pahala yang besar dan seterusnya terhindar dari mala petaka dan seksaan-Nya. Dalam konteks ini, Allah telah menurunkan ayat al-Quran untuk mengingatkan umat manusia setiap masa supaya jangan terjebak kepada penyakit cintakan dunia. Allah telah berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 الْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَالْبَقِيَّةُ الصَّالِحَةُ خَيْرٌ
 عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا

Maksudnya: “Harta benda dan anak-pinak itu ialah perhiasan hidup di dunia, dan amal-amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhan engkau sebagai balasan pahala dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.”

(QS al-Kahfi (18) : 46)

Dalam hubungan ini, Rasulullah s.a.w menerangkan lebih lanjut maksud ayat tersebut kepada kita dengan sabdanya yang bermaksud:-

“Tidaklah dunia ini, bila dibandingkan dengan akhirat seperti salah seorang dari kamu yang mencelupkan jarinya ke dalam laut, maka lihatlah apa yang ia perolehi.”

(HR Muslim)

Sidang Jumaat Yang Sama-Sama Berbahagia...

Pendekatan kedua... adalah tanggungjawab sosial berupa kewajipan setiap individu Islam melaksanakan tugas *amar makruf* dan *nahi mungkar* atau tugas mengajak manusia melakukan kebajikan dan mencegah mereka dari melakukan kemungkaran.

Melalui pendekatan ini, setiap orang Islam bertanggungjawab memberi peringatan kepada mereka yang layak mengeluarkan zakat supaya menunaikan ibadah tersebut dengan segera sebaik sahaja memenuhi syarat-syaratnya. Ini termasuklah mengingatkan mereka akan ganjaran dan pahala menunaikan zakat, dosa yang dipikul oleh orang yang ingkar atau lalai menunaikannya serta seksaan dan mala petaka yang akan diturunkan oleh Allah kerana keingkaran mereka.

Dalam konteks ini, Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:

“Wahai manusia! Sesungguhnya Allah telah berfirman kepada kamu semua, kata-Nya: “Hendaklah kamu semua menyeru kepada kebaikan dan melarang manusia dari melakukan kemungkaran sebelum tiba masa di mana engkau meminta sesuatu dari Aku,

tetapi Aku tidak memberinya, sebelum engkau memohon sesuatu dari Aku tetapi Aku tidak memperkenankannya, sebelum engkau memohon kemenangan dari Aku, tetapi Aku tidak menghulurkan apa-apa bantuan untuk memberikan kemenangan kepada engkau.”

(HR Baihaqi)

Kaum Muslimin Sekalian...

Pendekatan ketiga.... yang digariskan oleh Islam untuk menjamin kelangsungan pensyariatan ibadah zakat dan menjamin matlamat pensyariatannya dapat direalisasikan adalah kawalan dari pemerintah atau *ulil amri* yang diberi amanah untuk memastikan perintah mengeluarkan zakat dipatuhi oleh umat Islam.

Saidina Othman bin Affan r.a berkata yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah mencegah dengan (kekuasaan pemerintah) segala apa yang tidak dapat dicegah dengan al-Quran.”

Khalifah Islam yang pertama, Saidina Abu Bakar r.a telah memerangi orang yang enggan menunaikan zakat sebagaimana beliau juga memerangi golongan yang mengaku nabi dan mereka yang keluar dari agama Allah atau murtad. Beliau sendiri telah memberi amaran kepada mereka yang enggan mengeluarkan zakat dengan berkata yang bermaksud:

“Demi Allah, jika mereka enggan menyerahkan anak kambing betina sebagai zakat yang dahulu pernah mereka serahkan kepada Rasulullah s.a.w pasti aku akan peranginya mereka.”

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah...

Pengurusan dan Pelaksanaan ibadah zakat sama ada dari aspek pungutan mahupun pengagihannya hendaklah diletakkan di

bawah pengawasan pihak penguasa atau pemerintah. Hal ini bukan sahaja untuk menjamin keselamatan wang tersebut, tetapi ianya juga merupakan sunnah Rasulullah s.a.w mahupun warisan pengalaman para sahabat baginda.

Dalam Himpunan Hadis Sahih Bukhari dan Muslim dari Ibnu Abbas r.a bahawa Nabi s.a.w ketika mengutus Muaz Bin Jabal ke Yaman baginda telah berpesan dalam sabdanya yang bermaksud:

“Beritakanlah kepada mereka bahawa Allah s.w.t telah mewajibkan dari sebahagian harta-harta mereka untuk dizakatkan. Ia diambil dari orang kaya untuk diberikan kepada golongan fakir miskin dikalangan mereka. Apabila mereka mentaatimu dalam hal ini, maka peliharalah akan kehormatan harta mereka dan takutlah akan doa-doa orang yang teraniya. Sesungguhnya tidak ada penghalang antara doa-doa mereka itu dengan Allah s.w.t.”

(HR Bukhari dan Muslim)

Sheikh al-Salim al-Hafiz Ibni Hajar mengulas hadis tersebut di dalam kitabnya *Fathul Bari* pada jilid ke 3 halaman 23 telah menyebut :

“Hadis ini dijadikan sandaran dan dalil bahawa penguasa atau pemerintah adalah bertanggungjawab untuk mengumpulkan dan membahagikan zakat, baik dia sendiri secara langsung atau melalui wakilnya.”

Imam Nawawi telah menyebut di dalam kitabnya *al-Majmuk* dari Sahal Bin Abi Salleh dari ayahnya ia berkata :

“Telah terkumpul pada nafkah yang telah sampai batas nisabnya, kemudian aku bertanya kepada Saad Bin Abi Wakaz dan Ibnu Umar juga Abu Hurairah, bagaimana jika aku membahagikan

atau menyerahkannya pada penguasa?, mereka semuanya memerintahkan kepada aku untuk menyerahkannya pada penguasa, tidak ada seorang pun dari mereka berbeza pendapat tentang urusanku itu.”

Imam al-Baihaqi telah menyebut di dalam *Sunan al-Kubra* bahawa Mughirah bin Syuqbah r.a, dia berkata kepada hamba yang dimerdekakannya, yang mengurus hartanya di Taif.

“Apakah yang kau lakukan terhadap hartaku yang kau zakatkan?, dia menjawab: “Sebahagiannya aku sedekahkan sendiri dan sebahagiannya aku serahkan pada penguasa” Mughirah berkata : “Atas dasar apa kamu lakukan begitu? Lantas menegaskan: “Serahkan harta itu kepada pemerintah, sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah menyuruh kita menyerahkan zakat kepada mereka (yakni pemerintah).”

Kaum Muslimin Yang Sama-Sama Berbahagia...

Pengalaman-pengalaman tersebut sejajar dengan Muzakarah kali ke 76 Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bertarikh 21 November 2006 yang telah memutuskan bahawa, mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah (Amil yang ditauliahkan) adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa, kerana di dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau Ulil Amri dalam perkara kebaikan adalah wajib.

Allah s.w.t berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن
تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan Ulil-Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Allah (al-Quran) dan RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”

(QS al-Nisa (4): 59)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.